

Pasport Pengerusi Eksekutif NFCorp Diserahkan Sementara Bagi Urusan Di Luar Negara
Bernama
13 April , 2012

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Pengerusi Eksekutif National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp) Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail, yang didakwa pecah amanah membabitkan RM49.7 juta dan pertuduhan mengikut Akta Syarikat, pada Jumaat berjaya memperoleh pasportnya bagi membolehkannya menjalankan tugas rasmi ke luar negara.

Hakim S.M Komathy Suppiah membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan peguam Datuk Seri Muhammad Shafee Abdullah, yang mewakili Mohamad Salleh supaya pasport tersebut diserahkan sementara kepada anak guamnya dan dikembalikan semula kepada mahkamah pada 16 Mei ini.

Muhammad Shafee ketika membuat permohonan itu pada sebutan kes berkenaan hari ini berkata anak guamnya telah memfailkan notis permohonan di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi di sini pada 10 April lepas bagi memohon supaya pasport itu diserahkan untuk membolehkannya selaku pengerusi eksekutif NFCorp dan pengarah serta signatory syarikat Meatworks (Singapura) Pte Ltd menjalankan tugas rasmi ke luar negara.

Katanya anak guamnya itu berjanji akan mengembalikan pasport itu dalam tempoh 48 jam selepas kembali ke tanah air pada 16 Mei ini.

Mohamad Salleh akan ke Singapura pada 23 April hingga 26 April, mengerjakan umrah pada 28 April hingga 5 Mei, mengadakan lawatan ke Kazaskhtan pada 5 Mei hingga 11 Mei dan ke London pada 11 Mei hingga 15 Mei bagi melawat anaknya di sana.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658837>